

DALAM MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA

BIDANG KUASA ASAL GUAMAN NO: 2/2011

ANTARA

1. ZAINA ABIDIN BIN HAMID @ S. MANIAM
2. SURINDIRAN A/L ZAINA ABDIN
(MELALUI PLAINTIF PERTAMA SEBAGAI AYAH DAN SAHABAT WAKILNYA)
3. MOHANASUBASH A/L ZAINA ABDIN
(MELALUI PLAINTIF PERTAMA SEBAGAI AYAH DAN SAHABAT WAKILNYA)
4. CHANDRIKA A/P ZAINA ABDIN
(MELALUI PLAINTIF PERTAMA SEBAGAI AYAH DAN SAHABAT WAKILNYA)

...PERAYU-PERAYU

DAN

1. KERAJAAN MALAYSIA
2. KERAJAAN NEGERI SELANGOR
3. MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR
4. MAJLIS PERUNDANGAN MALAYSIA UGAMA
BUDDHA, KRISTIAN, HINDU DAN SIKH

...RESPONDEN-RESPONDEN

[Dalam perkara Saman Pemula No. MT4-21-31-2002

di dalam Mahkamah Tinggi Shah Alam)

ANTARA

1. Zaina Abidin Bin Hamid @ S. Maniam
2. Surindiran A/L Zaina Abdin
(Melalui Plaintiff Pertama Sebagai Ayah Dan Sahabat Wakilnya)
3. Mohanasubash A/L Zaina Abdin
(Melalui Plaintiff Pertama Sebagai Ayah Dan Sahabat Wakilnya)
4. Chandrika A/P Zaina Abdin
(Melalui Plaintiff Pertama Sebagai Ayah Dan Sahabat Wakilnya)

...PLAINTIF-PLAINTIF

DAN

1. Kerajaan Malaysia
2. Kerajaan Negeri Selangor
3. Majlis Agama Islam Selangor
4. Majlis Perundangan Malaysia Ugama
Buddha, Kristian, Hindu Dan Sikh

...DEFENDAN-DEFENDAN

PENGHUJAHAN BERTULIS RESPONDEN KETIGA

Disediakan oleh:-

TETUAN AISHAH KAMA & SABRI

Peguambela & Peguamcara

No. 4 Tingkat 4,

Kompleks MAIS,

Jalan Meru,

41400 Klang,

Selangor Darul Ehsan.

(No. Rujukan: BL-KLG/0018/2003/MAIS)

DALAM MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA

BIDANG KUASA ASAL GUAMAN NO: 2/2011

ANTARA

1. ZAINA ABIDIN BIN HAMID @ S. MANIAM

2. SURINDIRAN A/L ZAINA ABDIN

(MELALUI PLAINTIF PERTAMA SEBAGAI AYAH DAN SAHABAT
WAKILNYA)

3. MOHANASUBASH A/L ZAINA ABDIN

(MELALUI PLAINTIF PERTAMA SEBAGAI AYAH DAN SAHABAT
WAKILNYA)

4. CHANDRIKA A/P ZAINA ABDIN

(MELALUI PLAINTIF PERTAMA SEBAGAI AYAH DAN SAHABAT
WAKILNYA) ...PERAYU-PERAYU

DAN

1. KERAJAAN MALAYSIA

2. KERAJAAN NEGERI SELANGOR

3. MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

4. MAJLIS PERUNDANGAN MALAYSIA UGAMA

BUDDHA, KRISTIAN, HINDU DAN SIKH ...RESPONDEN-RESPONDEN

[Dalam perkara Saman Pemula No. MT4-21-31-2002

di dalam Mahkamah Tinggi Shah Alam)

ANTARA

1. Zaina Abidin Bin Hamid @ S. Maniam

2. Surindiran A/L Zaina Abdin

(Melalui Plaintiff Pertama Sebagai Ayah Dan Sahabat Wakilnya)

3. Mohanasubash A/L Zaina Abdin

(Melalui Plaintiff Pertama Sebagai Ayah Dan Sahabat Wakilnya)

4. Chandrika A/P Zaina Abdin

(Melalui Plaintiff Pertama Sebagai Ayah Dan Sahabat Wakilnya)

...PLAINTIF-PLAINTIF

DAN

1. Kerajaan Malaysia

2. Kerajaan Negeri Selangor

3. Majlis Agama Islam Selangor

4. Majlis Perundangan Malaysia Ugama

Buddha, Kristian, Hindu Dan Sikh

...DEFENDAN-DEFENDAN

PENGHUJAHAN BERTULIS RESPONDEN KETIGA

FAKTA RINGKAS KES:

Perayu Pertama dilahirkan oleh seorang ibu bernama Zaharah binti Imbi yang berbangsa Melayu pada 05/08/1951 manakala bapa Perayu Pertama bernama Hamid @ S Maniam berbangsa India Islam.

Justeru, mengikut undang-undang, Perayu Pertama pada sepanjang masa adalah seorang yang beragama Islam mengikut susur galur ibu dan bapanya.

Namun demikian Perayu Pertama menafikan hakikat bahawa Perayu adalah seorang Islam yang bernama Zaina Abdin dengan mengikrarkan satu "Deed Poll" bertarikh 16/03/1973 yang mengisyiharkan dirinya bukan lagi bernama Zaina Abdin bin Hamid tetapi memilih nama hindu Balachandran A/l S.Maniam.

Lanjutan daripada itu, Perayu Pertama berkahwin dengan seorang wanita beragama Hindu pada 05/02/1986 yang mana perkahwinan mereka didaftarkan mengikut peruntukan di dalam Akta Memperbaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976.

Ekoran dari perkahwinan tersebut Perayu Pertama memperolehi 3 orang anak yang kini masing-masing berumur 24 tahun, 22 tahun dan 19 tahun. Ketigatiga anak Perayu Pertama yang merupakan Perayu Kedua, Ketiga dan Keempat di dalam tindakan ini adalah berketurunan India mengikut Sijil Kelahiran masing-masing.

Perayu Pertama juga telah melakukan usaha bagi menukar nama di dalam kad pengenalannya kepada Balachandran a/l S. Maniam serta menukar butir di dalam kad pengenalan. Namun demikian Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) telah menolak permohonannya serta menyatakan bahawa agama Islam (JPN) telah menolak permohonannya serta menyatakan bahawa agama Islam akan dikekalkan di dalam kad pengenalannya dan mengarahkan Perayu Pertama mengemukakan surat pengisytiharan keluar agama Islam dari Mahkamah Syariah bagi membolehkan JPN meminda kad pengenalannya.

Dengan yang demikian, Perayu-perayu telah memfailkan Saman Pemula di Mahkamah Tinggi Shah Alam bertarikh 25 Februari 2002 memohon perintah pengisytiharan antara lain bahawa takrif "Orang Islam" di dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor dan Enakmen Syariah (Jenayah) Selangor mengingkari Perkara 3 (Agama bagi Persekutuan), Perkara 11 (Kebebasan Agama), Perkara 160 dan Jadual 9, Senarai II (Senarai Negeri) perenggan 1 di dalam Perlembagaan Persekutuan. Perayu Pertama juga memohon deklarasi bahawa beliau **tidak lagi seorang Islam** kerana beliau mangakui dirinya seorang Hindu dan mengamalkan agama serta cara hidup Hindu.

Mahkamah Tinggi Shah Alam bersetuju dengan Perayu-perayu bahawa terdapat soalan-soalan berbangkit mengenai peruntukan-peruntukan Perlembagaan Persekutuan yang menjadikan tindakan ini satu kes khas yang harus dihantar dan dirujuk kepada Mahkamah Persekutuan mengikut Seksyen 84 Akta Kehakiman Mahkamah 1964.

Dengan izin Yang Amat Arif/Yang Arif Hakim-hakim

Penghujahan Bertulis Responden Ketiga ini adalah hujahan Responden Ketiga terhadap kes khas yang didengar oleh Mahkamah yang mulia ini atas permohonan Perayu-perayu.

Pohon Mahkamah yang mulia ini merujuk kepada Rekod Kes Khas yang difaikkan Perayu-perayu iaitu di muka surat 2 hingga 9A "Kes Khas/Special Case" yang mana terdapat 5 soalan undang-undang untuk diputuskan oleh Mahkamah yang mulia ini. Namun demikian Responden Ketiga ingin menyentuh dan berhujah secara khusus kepada soalan-soalan undang-undang berikut di perenggan 1, 3 dan 4 Kes Khas iaitu:-

Soalan undang-undang (1)

1. *Adakah perenggan-perenggan berikut yang mengandungi takrif "orang Islam" di seksyen 2 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 tidak konsisten dengan Perkara 11 (dibaca bersama Perkara 3, 5, 8, 153 dan Item 1, Senarai II, Jadual Ke-9) Perlembagaan Persekutuan:*
 - 1.1 *perenggan (b), (c),(e) dan (f); dan*
 - 1.2 *perenggan (d) dibaca bersama seksyen 113.*

Soalan undang-undang (3)

3. *Adakah pemakaian undang-undang Islam ke atas seorang yang memprofes dirinya sebagai seorang Hindu tetapi dianggap sebagai seorang Islam di bawah undang-undang Islam tidak konsisten dengan Perkara 11 (dibaca bersama Perkara 3, 5, 8, 153 dan Item 1, Senarai II, Jadual Ke-9) Perlembagaan Persekutuan?*

Soalan undang-undang (4)

4. *Adakah syarat bahawa seorang perlu mendapatkan pengisytiharan daripada Majlis Agama Islam atau Mahkamah Syariah yang dia bukan lagi "orang Islam" dahulu sebelum dia diiktiraf oleh pihak-pihak berkuasa yang berkenaan sebagai seorang yang tidak memprofes Islam sebagai agamanya menjadikan hak-haknya di bawah Perkara 11 (dibaca bersama Perkara 3, 5, 8, 153 dan Item 1, Senarai II, Jadual Ke-9) Perlembagaan Persekutuan maya dan oleh itu mengingkari perlembagaan?*

Responden Ketiga berujah bahawa pada dasarnya mengikut Perlembagaan Persekutuan setiap negeri (kecuali wilayah-wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya) di dalam Malaysia diberi kuasa perundangan ("legislative") bagi perkara membabitkan agama Islam selaras dengan Perkara 74 dan Item 1, Senarai II, Jadual Ke-9 Perlembagaan Persekutuan yang menyebut antara lain:-

Perkara 74. Hal Perkara bagi undang-undang persekutuan dan Negeri

- (2) *Dengan tidak menyentuh apa-apa kuasa yang diberi kepada Badan Perundangan Negeri untuk membuat undang-undang oleh mana-mana*

Perkara lain, Badan Perundangan Negeri boleh membuat undang-undang mengenai mana-mana perkara yang disebutkan dalam Senarai Negeri (iaitu Senarai Kedua yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan) atau Senarai Bersama.

- (4) *Jika perbahasan am serta perbahasan tertentu digunakan pada memperihalkan mana-mana juga perkara yang disebutkan dalam Senarai-senarai yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan maka keluasan makna perbahasan am itu tidak boleh ditafsirkan sebagai terhad oleh perbahasan tertentu itu.*

Jadual Kesembilan Senarai 2-Senarai Negeri

- (1) *Kecuali mengenai Wilayah-wilayan Persekutuan...Hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam termasuk Hukum Syarak berhubung dengan mewarisi harta...*

Selaras dengan kuasa perundangan yang diberi oleh Perlembagaan Persekutuan, Badan Perundangan Negeri (di dalam kes ini adalah Negeri Selangor) telah menggubal undang-undang yang direalisasikan melalui enakmen-enakman negeri bagi mentadbir hal ehwal yang melibatkan agama Islam.

Justeru bagi memperjelaskan lagi bidangkuasa yang dibenarkan oleh Perlembagaan Persekutuan bagi negeri Selangor mentadbir dan mengurus hal ehwal undang-undang diri dan keluarga orang yang menganut Islam, maka melalui Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003, takrifan "Orang Islam" telah digubal seperti di dalam **Seksyen 2** Enakmen yang sama seperti berikut:-

"*orang Islam*" ertiinya:-

- (a) *seseorang yang menganut agama Islam;*
- (b) *seseorang yang salah seorang atau kedua-dua ibu bapanya, pada masa kelahiran orang itu, ialah orang Islam;*
- (c) *seseorang yang dibesarkan atas dasar bahawa dia orang Islam;*
- (d) *seseorang yang lazimnya dikenali sebagai orang Islam;*
- (e) *seseorang yang telah memeluk agama Islam mengikut seksyen 108; atau*
- (f) *seseorang yang ditunjukkan telah menyatakan dalam hal keadaan apabila dia terikat di sisi undang-undang untuk menyatakan yang benar, bahawa dia ialah orang Islam, sama ada pernyataan itu secara lisan atau bertulis.*

Jika dirujuk kepada fakta kes di dalam tindakan ini Perayu Pertama adalah seorang Islam menurut Seksyen 2 perenggan (b) mengikut Sijil Kelahiran Perayu Pertama dan takrifan di perenggan (d) seksyen yang sama di dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003. Manakala takrifan orang Islam di perenggan (a) (c) (e) (f) Seksyen 2 Enakmen tersebut adalah tidak bertepatan bagi merujuk kepada senario Perayu Pertama. Justeru adalah tidak menjadi keperluan bagi Mahkamah yang mulia ini untuk menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh Perayu-perayu disini yang mengaitkan mereka dengan makna "Orang Islam" seperti perenggan (a),(c), (e), dan (f) Enakmen tersebut.

Manakala bagi perenggan (d) yang dibaca dengan seksyen 113 Enakmen yang sama juga tidak relevan dengan kes dihadapan Mahkamah yang mulia ini kerana seksyen 113 adalah peruntukan yang melibatkan hal seorang yang telah

mempeluk Islam atau muallaf yang mana tiada kena mengena dengan situasi Perayu-perayu.

Adalah tidak munasabah sekiranya Perayu-perayu menyatakan bahawa seksyen 2 mengenai takrifan orang Islam di dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 bertentangan dengan Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan yang menyekat kebebasan beragama Perayu-perayu. Ini kerana pada dasarnya penggubalan enakmen terutama isu takrifan orang Islam yang dibangkitkan oleh Perayu-perayu adalah dibuat mengikut peruntukan Perkara 11 (3) (a) itu sendiri yang mana menyatakan dengan jelas bahawa tiap-tiap kumpulan agama adalah berhak menguruskan hal-ehwal agamanya sendiri.

Peruntukan di dalam Enakmen ini tidak sesekali menggugat kebebasan Perayu-perayu di dalam menganut dan mengamal agama pilihan mereka. Namun apa yang menjadi persoalan pokok di dalam kes ini adalah "Adakah Perayu Pertama seorang Islam?" sehingga menjadikan Perayu Pertama tertakluk kepada undang-undang Syariah. Walau terdapat apa juar melibatkan perlembagaan yang didakwa menjejas hak Perayu Pertama sebagai warganegara Malaysia, persoalan sama ada Perayu Pertama (terutamanya) adalah Islam tetap menjadi perkara utama.

Merujuk kepada kes yang diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan di dalam:-

SOON SINGH A/L BIKAR SINGH

V

PERTUBUHAN KEBAJIKAN ISLAM MALAYSIA (PERKIM) KEDAH

(1999) 1 MLJ 489

Dalam kes tersebut perayu telah memohon pengisytiharan bahawa perayu tidak lagi merupakan seorang penganut agama Islam di Mahkamah Tinggi dan ia telah ditolak atas sebab bidangkuasa. Perayu merayu dan di Mahkamah Persekutuan antara hujahan yang dikemukakan oleh pihak perayu adalah "mengikut perkara

11(1) Perlembagaan Persekutuan, perayu mempunyai hak perlembagaan yang tidak terhad untuk memilih agamanya dan mengamalkannya dan hak demikian tidak boleh dipertikaikan atau dilanggar.

Mahkamah Persekutuan di dalam kes tersebut antara lain menyatakan bahawa persoalan mengenai perlanggaran Perkara 11(1) Perlembagaan Persekutuan tidak timbul oleh kerana hakim Mahkamah Tinggi tidak membuat sebarang keputusan atau pengisytiharan bahawa perayu masih seorang penganut Islam. Justeru, perayu terpaksa menunggu keputusan atas permohonan utamanya sebelum ia boleh membangkitkan isu perlembagaan di bawah perkara 11(1) Perlembagaan Persekutuan.

Perayu-perayu di dalam kes dihadapan Mahkamah yang mulia ini juga, turut mengaitkan akan keperlembagaan takrifan "orang Islam" dengan Perkara 3, 5, 8 dan 153 Perlembagaan Persekutuan. Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan adalah berkenaan agama bagi Persekutuan iaitu agama Islam yang turut mengiktiraf agama-agama lain diamalkan dengan aman dan damai.

Manakala Perkara 5 adalah menyentuh berkenaan kebebasan diri, Perkara 8 adalah antara berkenaan kesamarataan di sini undang-undang manakala Perkara 153 adalah mengenai perezapan kuota mengenai perkhidmatan, permit dan sebagainya untuk orang Melayu.

Berdasarkan fakta kes di hadapan Mahkamah yang mulia ini, ternyata tiada apa yang menunjukkan bahawa hak dan kebebasan Perayu-perayu menurut Perlembagaan Persekutuan terutama terhadap Perayu Pertama terjejas. Tiada sebarang bukti yang mengesahkan terdapatnya perlanggaran hak terhadap Perayu-perayu yang bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan melainkan hanya keimbangan pihak Perayu-perayu sendiri.

Perayu Pertama melalui Saman Pemulanya di Mahkamah Tinggi telah antara lain memohon pengisytiharan seperti berikut:-

"5. *Bahawa Plaintiff Pertama (Perayu Pertama) tidak lagi seorang Islam kerana beliau sendiri mengakui dirinya sebagai seorang Hindu dan mengamalkan agama Hindu dan cara hidup Hindu mengikut pilihan beliau sendiri"*

Justeru berdasarkan kepada penyusunan kata di dalam permohonan pengisytiharan oleh Perayu Pertama tersebut, maka adalah difahami maksudnya bahawa Perayu Pertama adalah seorang Islam dan beridentiti rasmi sebagai Islam dan mahu mengisyiharkan dirinya tidak lagi seorang Islam.

Isu seperti ini telah didengar dan dijawab oleh oleh Mahkamah Persekutuan di dalam kes:-

KAMARIAH BTE ALI DAN LAIN-LAIN
LWN
KERAJAAN NEGERI KELANTAN DAN SATU LAGI
(2005) 1 MLJ 197

Mahkamah Persekutuan secara sebulat suara antara lain menyatakan dengan jelas:-

" Jelas dari penghujahan-penghujahan yang diketengahkan itu, isu yang perlu diputuskan ialah sama ada perayu-perayu masih beragama Islam...Mengikut Jadual Ke Sembilan Senarai II-Senarai Negeri Perlombagaan Persekutuan, Mahkamah Syariah hanya mempunyai bidangkuasa ke atas orang yang menganut agama Islam (persons professing the religion of Islam)."

*" Perkataan-perkataan "orang yang menganut agama Islam" jika dibaca secara literal akan membawa maksud bahawa perayu-perayu, setelah membuat akuan keluar daripada agama Islam, adalah bukan lagi orang yang menganut Islam dan oleh yang demikian mereka tidaklah tertakluk di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah. Persoalannya kini ialah apakah bacaan literal ini patut dipakai? Dalam hal ini Mahkamah ini merujuk kepada kes **Dewan Undangan Negeti Kelantan & anor v Nordin bin Salleh & Anor (1992) 1 MLJ 697** di muka surat 709:*

*"...a constitution should be construed with less rigidity and more generosity than other statutes and as *sui juris*, calling for principles of interpretation of its own, suitable to its character but not forgetting that respect must be paid to the language which has been used."*

Mahkamah Persekutuan dalam kes Kamariah Ali seterusnya memutuskan:-

" Membuat akuan berkanun dan mengisyiharkan mereka bukan lagi menganut agama Islam tidak dengan sendirinya melepaskan perayu-perayu ...Jika pendekatan maksud tidak diambil orang-orang Islam yang menghadapi pertuduhan di Mahkamah Syariah boleh sewenang-wenangnya menimbulkan pembelaan yang mereka bukan lagi seorang yang menganut agama Islam dan dengan yang demikian tidak tertakluk kepada bidang kuasa Mahkamah Syariah. Keadaan sebegini akan menjasakan pentadbiran undang-undang Islam di Malaysia dan mungkin juga undang-undang agama lain."

Oleh yang demikian jika diteliti fakta kes disini, walaupun melalui Deed Poll bertarikh 26/03/1973 dan Surat Akaun berkanun yang diikrarkan pada 9/01/1985, Perayu Pertama bersumpah untuk memilih dan mengguna nama Balachandran (walaupun nama rasmi mengikut kad pengenalan adalah Zaina Abdin) serta mengakui dirinya adalah seorang beragama Hindu, hakikat sebenar berdasarkan susur galur ibu dan bapa serta identiti rasmi Perayu Pertama adalah seorang Islam dari segi undang-undang.

Tiada sebarang halangan untuk Perayu Pertama memilih agama lain selain agama Islam seperti yang dibenarkan oleh Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan, tetapi identiti sebenar Perayu Pertama haruslah ditentukan berlandaskan peruntukan undang-undang dan korum yang betul, yang mana di dalam konteks ini adalah Mahkamah Syariah. Perayu Pertama mempunyai hak sama rata dengan mana-mana orang di sisi undang-undang tanpa ada perbezaan seperti yang termaktub di dalam Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan.

Berkenaan keperluan mendapatkan pengisytiharan bahawa seseorang bukan seorang Islam tersebut, Responden Ketiga berhujah bahawa di dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 mengikut seksyen 61 (3) (x), menyatakan dengan jelas bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah untuk mendengar dan memutuskan prosiding berhubungan dengan pengisytiharan seseorang itu bukan lagi Islam. Seksyen 61 (3) (x) Enakmen tersebut menyatakan:-

61. *Bidangkuasa Mahkamah Tinggi Syariah*

(3) *Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah:-*

(b) *dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding jika semua pihak dalam tindakan atau prosiding itu adalah orang Islam dan tindakan atau prosiding itu adalah berhubungan dengan:-*

(x) *pengisytiharan bahawa seseorang itu bukan lagi orang Islam;*

Responden Ketiga seterusnya berhujah bahawa soalan-soalan yang diketengahkan oleh Perayu-perayu di dalam Mahkamah yang mulia ini juga adalah soalan yang sudah didengar, dikupas, diteliti dan diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan di dalam kes:-

LINA JOY

LWN

MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN & YANG LAIN

(2007) 3 CLJ 557

Fakta di dalam kes Lina Joy tersebut mempunyai kesamaan fakta di dalam kes yang didengar di hadapan Mahkamah yang mulia ini berkenaan permohonan perayu untuk memadam perkataan "Islam" di dalam kad pengenalan yang ditolak oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). JPN juga telah mengarahkan perayu mendapatkan pengesahan atau pengisyiharan dari Mahkamah Syariah berkenaan status agama Islam perayu. Persoalan yang dikemukakan di dalam kes tersebut antara lain adalah:-

"Adakah Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) berhak , mengikut undang-undang, mengenakan syarat supaya perayu mengemukakan suatu sijil atau pengisyiharan atau perintah daripada Mahkamah Syariah yang memperakukan bahawa beliau adalah murtad sebelum perkataan "Islam" di dalam kad pengenalan perayu dipadamkan?"

Pokok soalan yang dibawa di dalam kes tersebut adalah sama di dalam soalan undang-undang No. 4 Rekod Khas yang dikemukakan di hadapan Yang Amat Arif disini iaitu :-

Soalan undang-undang (4)

4. *Adakah syarat bahawa seorang perlu mendapatkan pengisyiharan daripada Majlis Agama Islam atau Mahkamah Syariah yang dia bukan*

lagi “orang Islam” dahulu sebelum dia diiktiraf oleh pihak-pihak berkuasa yang berkenaan sebagai seorang yang tidak memprofes Islam sebagai agamanya menjadikan hak-haknya di bawah Perkara 11 (dibaca bersama Perkara 3, 5, 8, 153 dan Item 1, Senarai II, Jadual Ke-9) Perlembagaan Persekutuan maya dan oleh itu mengingkari perlombagaan?

Di dalam kes Lina Joy tersebut Yang Amat Arif telah menyentuh, mengupas dan menjawab soalan tersebut yang turut mengaitkan hak kebebasan beragama dalam Perkara 11 Perlombagaan Persekutuan yang mana antara lain dinyatakan bahawa:-

“...bahwasanya JPN mempunyai justifikasi di bawah k.4 (c) (x) untuk memerlukan penentuan dari penguasa agama Islam mengenai kemurtadan perayu atau keluamya perayu daripada agama Islam. Oleh yang demikian saya bersetuju dengan penghakiman majoriti yang mengatakan bahawa perayu dalam permohonannya yang ketiga menyatakan kesilapan dalam kad pengenalannya ialah mengenai kenyataan agamanya sebagai “Islam” dan perayu mahu kesilapan itu diperbetulkan dengan mengeluarkan perkataan “Islam dari kad pengenalan itu. Ini samalah seperti perayu mengatakan bahawa beliau telah keluar dari agama Islam. Oleh itu JPN boleh mengikut k. 4 (c) (x) memerlukan perayu mengemukakan keterangan dokumentari bagi menyokong ketepatan penegasannya bahawa beliau bukan lagi seorang Muslim. Saya juga bersetuju jika JPN terima pengakuan seseorang bahawa dia telah keluar dari agama Islam berdasarkan perisytiharan yang dibuat olehnya maka JPN mengambil risiko apabila mengecapkan secara silap, seseorang sebagai bukan Muslim manakala mengikut undang-undang Islam orang itu masih belum lagi keluar dari agama Islam. Ini juga akan menyenangkan mereka yang telah dilahir dan dididik sebagai seorang Muslim tetapi bersikap acuh tak acuh atau tidak peduli kepada agama Islam diklasifikasikan sebagai bukan Muslim hanya semata-mata untuk mengelak dari dihukum atas kesalahan-kesalahan di bawah undang-undang Islam...Atas sebab-sebab inilah...saya

percaya JPN telah menggunakan dasar bahawa akuan statutory sahaja adalah tidak cukup untuk membolehkan perkataan "Islam" dikeluarkan dari kad pengenalan seseorang Muslim. Ini adalah kerana hal keluar dari agama Islam adalah suatu perkara yang berkaitan dengan undang-undang Islam dan kerana itu JPN menggunakan dasar yang memerlukan penentuan oleh pihak berkuasa agama Islam sebelum JPN boleh bertindak untuk memadamkan perkataan "Islam" dari kad pengenalan seseorang Muslim..."

"Mengenai penghakiman majoriti bahawa tindakan JPN adalah munasabah bila JPN perlukan sijil/deklarasi/perintah daripada Mahkamah Syariah yang menyatakan perayu adalah murtad, saya ingin menambah dengan menekankan bahawa item 1 senarai 2 dalam Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan (PP) memperuntukkan, antara lainnya, bahawa Mahkamah-mahkamah Syariah hendaklah mempunyai bidangkuasa hanya atas orang-orang yang menganuti agama Islam dan hanya mengenai mana-mana perkara yang termasuk dalam perenggan itu (item 1) dan salah satu daripada perkara-perkara dalam perenggan tersebut ialah "undang-undang Islam". Sehubungan dengan ini, perkara 74(4) PP menegaskan bahawa keluasan ungkapan-ungkapan am dalam Jadual Kesembilan tidak boleh dikira sebagai dihadkan oleh ungkapan-ungkapan khusus yang terdapat dalam Jadual 9 itu..."

*"Oleh yang demikian adalah munasabah bagi JPN mengenakan syarat-syarat tersebut kerana perkara murtad ini...adalah satu persoalan yang berkaitan dengan undang-undang Islam dan seperti yang telah dinyatakan oleh Mahkamah Agong dalam kes *Dalip Kaur Iwn Pegawai Polis Daerah, Balai Polis Daerah, Bukit Mertajam & anor (1991) 3 CLJ 2768*...bahawa jawapan kepada persoalan sama ada seseorang itu adalah seorang Muslim atau telah keluar dari agama Islam sebelum dia meninggal dunia, adalah termasuk dalam dunia undang-undang syariah yang memerlukan pertimbangan-pertimbangan serius dan tafsiran wajar atas undang-undang itu. Dalam hal keadaan sedemikian, saya bersetuju ...bahawa syarat supaya...perisyiharan atau perintah daripada*

Mahkamah Syariah bahawa perayu telah jadi murtad bukanlah suatu keputusan yang tidak munasabah sehingga akan sebegitu melampau... “

Berkenaan dengan hujahan perayu di dalam kes Lina Joy mengenai perlanggaran perkara 11 Perlembagaan Persekutuan (PP), Mahkamah Persekutuan telah menegaskan dengan merujuk kepada kes Che Omar bin Che Soh v Public Prosecutor (1988) 2 MLJ 55 bahawa “...jika diteliti Perkara-Perkara 11(1) 74(2) dan item 1 di senarai 2 dalam Jadual 9 PP akan ketara bahawa Islam itu meliputi antara lainnya undang-undang Islam. Justeru itu...jika seseorang Muslim ingin keluar dari agama Islam, dia sebenarnya menggunakan haknya di dalam konteks undang-undang syariah yang mempunyai jurisprudennya sendiri mengenai isu murtad. Jika seseorang menganuti dan mengamalkan agama Islam, sudah tentulah itu bererti dianya hendaklah mengikuti undang-undang Islam yang menetapkan cara menganuti Islam dan juga cara keluar dari agama Islam.

Perayu di dalam kes Lina Joy juga telah menghujahkan bahawa Perkara 11 PP bukan sahaja memberi kebebasan untuk menganut mana-mana agama tetapi juga untuk keluar dari mana-mana agama. Undang-undang tidak boleh menghalangnya berbuat demikian dan undang-undang tidak boleh memerlukan perayu mengikut suatu peraturan sama ada untuk memeluk atau keluar dari sesuatu agama. Perayu di dalam kes tersebut juga berhujah bahawa undang-undang seperti itu adalah bercanggah dengan Perkara 11 dan oleh itu tidak sah dan batal.

Mahkamah Persekutuan di dalam kes Lina Joy telah menjawab hujahan perayu tersebut dengan merujuk kepada kes Kamariah Ali ((2005) 1 MLJ 197 yang menjelaskan bahawa:-

“Jika itulah makna peruntukan itu maka bukan sahaja undang-undang yang menetapkan cara untuk seseorang itu memeluk agama Islam dan keluar dari agama Islam tidak sah malah undang-undang yang menjadikan suatu kesalahan

jika seorang Islam itu bərzina, berkhalwat, tidak membayar zakat dan lain-lain itu juga semuanya tidak sah. Sebab, mengikut hujah itu, perkara 11 memberi hak kepada seseorang itu untuk mengamalkan agamanya, maka terserahlah kepadanya sama ada dia hendak mengamal mana-mana suruhan yang dia hendak amalkan dan mana yang tidak, mematuhi mana-mana larangan yang dia hendak patuhi dan mana yang tidak. Oleh itu, mengikut hujah itu, sebarang undang-undang yang menghendaki seseorang itu melakukan sesuatu perkara atau meninggalkan sesuatu perkara adalah bercanggah dengan kebebasan yang diberi oleh perkara 11 dan oleh itu tidak sah semuanya.

"Pada pandangan saya (Abdul Hamid Mohamad HMR) berkaitan dengan agama Islam...Perkara 11 tidaklah boleh ditafsirkan begitu luas sehingga ia membatalkan semua undang-undang yang menghendaki seseorang Islam itu mengerjakan sesuatu kewajipan agama Islam atau melarang mereka melakukan sesuatu perkara yang dilarang Islam..."

" Ini kerana kedudukan Islam dalam Perlembagaan Persekutuan adalah berlainan daripada kedudukan agama-agama lain. Pertama, hanya Islam, sebagai satu agama yang disebut dengan namanya dalam Perlembagaan Persekutuan iaitu sebagai agama bagi Persekutuan...-Perkara 3(1)"

"Kedua, Perlembagaan itu sendiri memberi kuasa kepada Badan Perundungan Negeri (bagi negeri-negeri) untuk mengkanunkan Hukum Syarak dalam perkara-perkara yang disebut dalam Senarai II, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan ("Senarai "). Selaras dengan kehendak Senarai II itu, Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah 1965) (akta 355/1965) dan berbagai-bagai enakmen (untuk Negeri-negeri) termasuk yang disebut dalam penghakiman ini telah dikanunkan."

"Maka jika undang-undang itu...tidak bercanggah dengan peruntukan Senarai II dan tidak bercanggah pula dengan peruntukan-peruntukan Akta 355/1965, maka ia adalah undang-undang sah."

Maka, berdasarkan otoriti di dalam Kes Kamariah Ali, Mahkamah Persekutuan di dalam kes Lina Joy memutuskan dan menegaskan bahawa Perkara 11 (1) tidak wajar dihujahkan dengan peruntukan yang memberi hak kebebasan yang tidak berbatas.

Oleh yang demikian berdasarkan hujahan-hujahan dan autoriti-autoriti yang diulas di dalam Penghujahan Bertulis Responden Ketiga ini, ternyata bahawa persoalan-persoalan perlembagaan yang dirujuk untuk di putuskan oleh Mahkamah yang mulia ini adalah telah terjawab mengikut kes-kes atau autoriti-autoriti yang diputuskan oleh Mahkamah Agong dan Mahkamah Persekutuan.

Soalan Undang-undang (2)

Manakala berkenaan soalan undang-undang yang dirujuk kepada Mahkamah yang mulia ini iaitu "*adakah ibubapa seorang anak di bawah umur 18 tahun mempunyai hak untuk menetapkan agama anak itu untuk kesemua tujuan am dan peribadi mengikut Perkara 11 dan 12(4) Perlembagaan Persekutuan?*" adalah tidak relevan untuk didengar dan diputuskan Mahkamah yang mulia ini. Ini kerana semasa Saman Pemula difaikkan di Mahkamah Tinggi Perayu Kedua, Ketiga dan Keempat yang merupakan anak-anak kepada Perayu Pertama adalah kanak-kanak dan dibawah umur majoriti.

Namun demikian, kini mengikut sijil kelahiran, Perayu Kedua, Ketiga dan Keempat telah mencapai umur majoriti iaitu masing-masing kini berumur 24 tahun, 22 tahun dan 19 tahun. Justeru adalah tidak menjadi keperluan untuk Mahkamah yang mulia ini untuk menjawab soalan tersebut kerana ia semata-mata bersifat akademik. Tambahan pula adalah jelas mengikut Perkara 12 (4) Perlembagaan Persekutuan bahawa :-

“Bagi maksud Fasal (d), agama bagi seseorang yang berumur kurang daripada lapan belas tahun adalah ditetapkan oleh ibu bapa atau penjaganya.”

KESIMPULAN

Berdasarkan fakta di dalam kes di hadapan Mahkamah yang mulia ini tiada isu perlanggaran hak asasi terhadap Perayu Pertama mahupun Perayu Kedua, Ketiga dan Keempat seperti yang termaktub di dalam Perkara 11, 3 , 5 , 8 mahupun Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan sehingga menyebabkan peruntukan undang-undang berkaitan hal ehwal Islam yang dikanunkan oleh Badan Perundangan Negeri Selangor dianggap tidak konsisten dan bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan.

Apa yang jelas adalah persoalan sama ada peruntukan dan pemakaian undang-undang syariah ke atas Perayu-perayu terutama Perayu Pertama akan menggugat hak asasi dan kebebasan Perayu-perayu dalam beragama hanya terjawab apabila Mahkamah mengesahkan identiti rasmi atau agama sebenar Perayu-perayu mengikut undang-undang.

Responden Ketiga berhujah tiada isu berbangkit yang membabitkan Perayu Kedua, Ketiga Keempat. Hanya berkenaan Perayu Pertama, bahawa mengikut bukti dokumentasi iaitu Sijil Kelahiran dan Kad Pengenalan termasuk surat dari pihak Jabatan Pendaftaran Negara bertarikh 25 Jun 2001 adalah jelas Perayu Pertama seorang Islam walau hakikat sebenarnya hanya pada nama seperti didakwa Perayu Pertama. Namun demikian sebagai menghormati kedaulatan undang-undang adalah perlu supaya Perayu Pertama menggunakan haknya disisi undang-undang yang mana di dalam konteks ini adalah jelas

mengikut undang-undang Syariah selaras dengan peruntukan dan bidangkuasa yang termaktub mengikut Perlembagaan Persekutuan.

Dengan yang demikian, Responden Ketiga menegaskan bahawa tiada persoalan-persoalan undang-undang atau perlombagaan yang perlu didengar dan diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan yang mulia ini dan dengan rendah hari memohon permohonan Perayu-perayu ditolak dengan kos.

Bertarikh pada 17 Januari,2012



Peguamcara Responden Ketiga
Tetuan Aishah Kama & Sabri

PENGHUIJAHAN BERTULIS RESPONDEN KETIGA ini difaikkan oleh Tetuan Aishah Kama & Sabri, Peguamcara bagi pihak Responden Ketiga yang beralamat di No. 5, Tingkat 5 Kompleks MAIS, Jalan Kapar, 41400 Klang, Selangor Darul Ehsan (No. Tel: 03-33430696 Faks: 03-33430733)
(Ruj: BL-KLG/0018/2003/MAIS)